

# Penentuan bantuan UNDP harus adil: PM

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak membantah jika digugurkan daripada senarai penerima dana bantuan teknikal Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) sekiranya ia dilakukan dengan adil.

Menurut Perdana Menteri, sebarang penentuan badan dunia itu terhadap kelayakan penerimaan bantuan tahunan itu harus dibuat mengikut proses yang betul dan adil.

Langkah itu, katanya, perlu diambil untuk mengelakkan penerimaan bantuan kewangan yang sepatutnya diberi kepada negara lain.

“Kalau benar ia dibuat kerana peningkatan ekonomi negara, kita tidak boleh bantah tetapi perhitungan itu mesti dibuat secara betul dan adil. Kita tidak mahu wujud keadaan yang mana bantuan sepatutnya diberi kepada negara yang lebih memerlukan, diberi kepada kita.

“Bagaimanapun, jika kita berhak menerimanya, kita masih memerlukan bantuan itu,” katanya ketika menjawab soalan pemberita selepas melancarkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas satu laporan baru-baru ini bahawa Malaysia hampir pasti digugurkan daripada senarai penerima dana bantuan teknikal UNDP mulai 1996 kerana dikenal pasti mencapai tahap 'berdikari'.

Sebelum ini, Jepun juga menghentikan Dana Bantuan Luar Negara (ODA) kepada Malaysia kerana sudah mencapai tahap 'negara berpendapatan sederhana'. Malaysia negara membangun pertama mencapai taraf berkeajaan.

UNDP adalah agensi khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang menyediakan dana bantuan pembangunan multilateral kepada hampir 170 negara di dunia dan mempunyai pejabat di 130 negara.